# KANDUNGAN


**PERUTUSAN YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS**
~ M/S 2 – M/S 4

- " ROADMAP " PELAN STRATEGIK MDCH 2021 – 2025 ~ M/S 5
- DOKUMEN RUJUKAN ~ M/S 6
- METODOLOGI PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK MDCH 2021 – 2025 ~ M/S 7
- RINGKASAN EKSEKUTIF ~ M/S 8

**BAHAGIAN 01 — PENGENALAN KEPADA MDCH**

1.1 LATAR BELAKANG CAMERON HIGHLANDS ~ M/S 10
1.2LATAR BELAKANG MDCH ~ M/S 11
1.3 CARTA ORGANISASI ~ M/S 12
1.4 FUNGSI MDCH ~ M/S 13
1.5 NILAI – NILAI BERSAMA " SEJAHTERA " MDCH ~ M/S 14
1.6 PUNCA KUASA ~ M/S 15
1.7 PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN ~ M/S 16

**BAHAGIAN 02 — SENARIO PERSEKITARAN**

2.1 PENGUKUHAN DALAM ORGANISASI ~ M/S 18
2.2 MEMENUHI EKSPEKTASI MASYARAKAT ~ M/S 19
2.3 PEMBANGUNAN BANDAR DAN KAWASAN PERKHIDMATAN ~ M/S 20
2.4 PEMBANGUNAN KOMUNITI ~ M/S 21

**BAHAGIAN 03 — HALA TUJU MDCH**

3.1 VISI ~ M/S 23
3.2 MISI ~ M/S 23
3.3 MOTO ~ M/S 23
3.4 PETA STRATEGIK ~ M/S 24
3.5 PELAN TINDAKAN STRATEGIK MDCH ~ M/S 25 – M/S 40
- OBJEKTIF KEPADA STRATEGIK
- PROGRAM
- INDIKATOR
- SASARAN DAN TAHUN SASARAN

**BAHAGIAN 04 — FAKTOR – FAKTOR PENENTU KEJAYAAN DAN MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN**

4.1 FAKTOR – FAKTOR PENENTU KEJAYAAN ~ M/S 42
4.2 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
A) MEKANISME PELAPORAN DAN PENGUKURAN PRESTASI ~ M/S 43
B) SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN ~ M/S 44
C) STRUKTUR PENGURUSAN PELAKSANAAN ~ M/S 45
4.3 PENUTUP ~ M/S 46



# Perutusan




YH. DATO’ HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN

DIMP., AMP.

YANG DIPERTUA

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Negaraku Malaysia,

***S***yukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan kurnia-Nya dapat kita bersua untuk menyingkap tabir tahun baharu 2021 dengan penerbitan naskah Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) Bagi Tahun 2021 - 2025 yang merupakan sumber maklumat dan bahan rujukan yang berfaedah dalam meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan kepada pelanggan. Tahniah dan syabas kepada warga kerja Unit Perhubungan Awam dan semua warga MDCH yang terlibat dalam menyumbang informasi dan idea sehingga terhasilnya naskah ini.

Sepanjang tempoh Pelan Strategik MDCH 2018 – 2020 dilaksanakan, terdapat beberapa pencapaian yang dilakukan dan diperolehi oleh MDCH. Antaranya pelaksanaan dan pegiktirafan pensijilan *Anti – Bribery Management Systems* MS ISO 37001:2016 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dan MDCH merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Pahang menerima pensijilan ini. Dalam usaha menerapkan nilai – nilai integriti dalam diri warga kerja MDCH, satu Pelan Strategik Pencegahan Rasuah 2.0 MDCH juga telah dilancarkan pada 03 April 2019. Di era yang serba moden ini, MDCH juga tidak terkecuali ke arah perancangan modenisasi teknologi baru seperti Pengurusan Aduan Awam yang menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), pembangunan aplikasi pintar, kejiranan dan pembangunan hijau, bandar pintar dan termasuklah program dan projek yang melibatkan banyak penyertaan komuniti pada masa kini dan tahun – tahun mendatang.

Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands 2021 – 2025 dirangka bagi perancangan jangka panjang yang mengandungi Visi, Misi dan hala tuju MDCH untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan. Pelan Strategik ini adalah penting dan kritikal bagi meneruskan kecemerlangan organisasi yang sentiasa mengutamakan amalan budaya kerja berprestasi tinggi. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan pedoman yang dapat memacu warga MDCH ke arah pembentukan nilai kerja yang lebih berkualiti selaras dengan tranformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Saya menaruh harapan yang tinggi agar Pelan Strategik ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan pelaksanaan Pelan Strategik yang terdahulu yang dapat meningkatkan mutu kerja serta perkhidmatan kepada masyarakat umumnya.

Saya mengharapkan agar seluruh warga Majlis Daerah Cameron Highlands terus berusaha dengan lebih giat lagi agar matlamat pengwujudan Pelan Strategik ini tecapai dan dirasai. Semoga apa yang telah dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manafaat kepada masyarakat setempat serta negara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

Saya yang ikhlas,

**( DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN, DIMP., AMP. )**
Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands

# *"ROADMAP"* PELAN STRATEGIK MDCH 2021 – 2025



# DOKUMEN RUJUKAN

10. Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050
9. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030
8. Dasar Perbandaran Negara Ke – 2 ( DPN2 )
7. Rancangan Fizikal Negara Ke – 3 ( RFN3 )
6. Pelan Eko Pelancongan Malaysia 2016 – 2025
5. Rancangan Malaysia Ke – 12
4. Bajet Negeri Pahang 2021
3. Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030
2. Pelan Strategik Perindustrian Pahang 2020 – 2025
1. Pelan Strategik MDCH 2018 – 2020

**PELAN STRATEGIK MDCH 2021 – 2025**

Bagi Memastikan Pelan Strategik Yang Mempunyai Nilai Tambah Dan Berintegrasi, Semua Elemen Strategik Ini Telah Diambil Kira Dan Dirujuk Dalam Pembentukan 5 Pelan Strategik MDCH 2021 – 2025

# METODOLOGI PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK MDCH 2021 – 2025



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands ( MDCH ) 2021 – 2025 ini adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik MDCH 2018 – 2020 yang lalu.

Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MDCH bagi LIMA ( 5 ) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang.

Pelan Strategik ini mensasarkan Majlis Daerah Cameron Highlands sebagai sebuah daerah yang memperkasakan perkhidmatan melalui pemantapan tadbir urus dan penyampaian yang efisien ke arah perbandaran menjelang tahun 2025.

Bagi Merealisasikan Visi Dan Misi Yang Digariskan, Lima ( 5 ) Teras Strategik Telah Dikenalpasti Iaitu

1 **MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK**

2 **MEMPERKUKUHKAN HASIL KEWANGAN**

3 **MENAMBAH DAN MENAIKTARAF KEINDAHAN PERBANDARAN**

4 **MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

5 **MEMPERKASAKAN ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM, INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN**

Kejayaan pelaksanaan teras strategik ini didokong melalui program – program yang direncanakan dan Nilai – Nilai Bersama iaitu SEJAHTERA. Pelan tindakan yang digariskan bagi menyokong setiap teras strategik diharapkan dapat memantapkan perkhidmatan teras Majlis Daerah Cameron Highlands sekaligus meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran.

## BAHAGIAN 01

# PENGENALAN KEPADA MDCH

# LATAR BELAKANG CAMERON HIGHLANDS



Ditemui oleh jurukur Colonial British, Sir William Cameron pada 1885 sewaktu membuat pemetaan Banjaran Titiwangsa.

Beliau dengan rakannya Kulop Riau memulakan kerja pemetaan dari Tanjung Rambutan iaitu beliau mencerap laluan Sungai Kinta hingga ke Banjaran Titiwangsa.

Tidak lama selepas itu, mereka berdiri di atas puncak Gunung Pondok Challi di kawasan Gunung Yong Belar. Cameron melaporkan bahawa dia melihat dataran tinggi berada di ketinggian 4,400 hingga 4,500 kaki sewaktu beliau berada pada ketinggian 6,000 kaki ( 1,800m ) di atas paras laut dan suhu jatuh antara 8$^{o}$C dan 25$^{o}$C. Tetapi Cameron gagal untuk menandakan dataran tersebut di atas peta.

Dalam tahun 1920–an, lokasi dataran tinggi akhirnya disahkan di dalam satu laporan daripada ekspedisi berikutnya. Ia tidak dimajukan sepenuhnya sehingga 1925 apabila Sir George Maxwell datang melawat dan mencadangkan Cameron Highlands sebagai stesen tanah tinggi atau kawasan peranginan tanah tinggi.

Nama Cameron Highlands diambil sempena nama Sir William Cameron.

# LATAR BELAKANG
# MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Majlis Daerah Cameron Highlands telah ditubuhkan melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang No 66 pada 01 Mac 1982 dan keluasan kawasan ketika itu adalah 55.09 km persegi ( 5509 hektar ) dan dibahagikan kepada 2 kategori :-

a. Kawasan yang dikenakan cukai – 23.28 km.p ( 2328 hektar )
b. Kawasan yang tidak dikenakan cukai – 31.81 km.p ( 3181 hektar )

Keluasan keseluruhan Daerah Cameron Highlands pada masa kini ( termasuk Hutan Simpan Kekal ) ialah 71, 225 hektar manakala keluasan Pentadbiran MDCH ( termasuk kawasan operasi dan kawasan kawalan Hutan Simpan Kekal ) ialah 33,325 hektar. Cameron Highlands terdiri daripada 3 mukim :-

a. Mukim Tanah Rata - Tanah Rata – Brinchang
b. Mukim Ringlet - Lembah Bertam – Habu
c. Mukim Ulu Telom - Kea Farm – Blue Valley






# CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS



## FUNGSI
## MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

MDCH melaksanakan fungsi – fungsi menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ( Akta 171 ) dan melaluinya MDCH boleh melaksanakan aktiviti dan menguatkuasakan dasar serta peraturan – peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa Tempatan. Antara fungsi MDCH ialah : -

| | |
|---|---|
| 1 | Mengutip cukai taksiran, lesen perniagaan dan pengiklanan. |
| 2 | Merancang, melaksana serta mengawal selia pembangunan selaras dengan rancangan struktur Negeri Pahang, Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands dan dasar – dasar kerajaan yang lain. |
| 3 | Menyelaras dan memberi kerjasama kepada jabatan – jabatan lain serta pihak swasta untuk pembangunan pelbagai program seperti kemasyarakatan dan alam sekitar. |
| 4 | Mengawalselia aktiviti pelupusan sisa pepejal oleh SWCorp. |
| 5 | Mengawalselia dan menguatkuasakan premis jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit bersama – sama Pejabat Kesihatan Daerah Cameron Highlands. |
| 6 | Memantau dan menyelaras kesejahteraan bandar. |
| 7 | Mempertimbangkan keindahan kawasan MDCH disamping pemeliharaan dan pemuliharaan landskap semulajadi. |
| 8 | Mewujudkan kemudahan awam dan perkhidmatan – perkhidmatan asas bagi keselesaan penduduk setempat dan pelancong. |
| 9 | Menggubal undang – undang kecil dan menguatkuasa undang – undang, peraturan dan dasar yang berkaitan. |

# NILAI – NILAI BERSAMA
# “SEJAHTERA"
# MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS



# PUNCA KUASA

| AKTA | UNDANG – UNDANG KECIL | KAEDAH – KEADAH / ENAKMEN | PERINTAH |
|---|---|---|---|
| 1. Akta Kerajaan Tempatan 1976<br>2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974<br>3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976<br>4. Akta Pengangkutan Jalan 1987<br>5. Akta Makanan 1983<br>6. Akta Acara Kewangan 1956<br>7. Akta Pengurusan Strata 2013<br>8. Arahan Perbendaharaan | 1. Undang – Undang Kecil ( Mengkompaun Kesalahan – Kesalahan ) Kerajaan Tempatan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1983<br>2. *Undang – Undang Kecil ( Mengkompaun Kesalahan – Kesalahan ) Jalan, Parit dan Bangunan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1983<br>3. Undang – Undang Kecil Bayaran Pelan dan Permit ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1983<br>4. Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1984<br>5. Undang – Undang Kecil Taman ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1986<br>6. *Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1987<br>7. Undang – Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat – Tempat Makan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1986<br>8. *Undang – Undang Kecil Iklan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1988<br>9. Undang – Undang Kecil Penjaja ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1989<br>10. Undang – Undang Kecil Iklan Pilihanraya ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1990<br>11. Undang – Undang Kecil Stor Kayu dan Kerja Kayu ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1999<br>12. Undang – Undang Kecil Pelesenan Anjing ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 2007<br>13. Undang – Undang Kecil Kerja Tanah ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 2008<br>14. Undang – Undang Kecil Vandalisme ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 2010<br>15. Undang – Undang Kecil Pengendali Makanan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1984<br>16. Undang – Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) ( Pindaan ) 2011<br>17. Undang – Undang Kecil Iklan Pilihanraya ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) ( Pindaan ) 2011 | **Kaedah – Kaedah**<br>1. Kaedah – Kaedah Rumah Tumpangan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1996<br>2. Kaedah – Kaedah Pegawai Majlis Daerah Cameron Highlands ( Kelakuan & Tatatertib ) 2002<br>3. Kaedah – Kaedah Rumah Tumpangan<br>**Enakmen**<br>1. Enakmen Rumah Tumpangan 1929<br>2. Enakmen Hiburan 1993 dan Pindaan 2006 | 1. Perintah Pengangkutan Jalan ( Peruntukan Tempat Letak Kereta ) ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 2016 |

* Nota : i) Undang – Undang Kecil ( Mengkompaun Kesalahan – Kesalahan ) Jalan, Parit dan Bangunan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1983
ii) Undang – Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1987
iii) Undang – Undang Kecil Iklan ( Majlis Daerah Cameron Highlands ) 1988
* Ketiga – tiga Undang – Undang Kecil di atas dalam proses gubalan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

# PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN



## BAHAGIAN 02

# SENARIO PERSEKITARAN




# 2.1 PENGUKUHAN DALAM ORGANISASI

## 2.2 MEMENUHI EKSPEKTASI MASYARAKAT



# 2.3 PEMBANGUNAN BANDAR DAN KAWASAN PERKHIDMATAN

A. Pembangunan yang lebih tersusun dan mesra rakyat

B. Pembangunan yang menitikberatkan isu penjagaan alam sekitar

C. Pembangunan yang mampan dan boleh menarik pelancong

# 2.4 PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pembangunan komuniti yang dinamik dan supportive

Pembangunan komuniti yang prihatin dan kreatif

Pembangunan komuniti yang menjurus kepada perbandaran yang lestari dan berdayahuni

2.4 PEMBANGUNAN KOMUNITI

## BAHAGIAN 03

# HALA TUJU MDCH

# VISI

MENJADIKAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS SEBAGAI PERBANDARAN MENJELANG 2025

# MISI

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MELALUI PEMANTAPAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG KREATIF SERTA INOVATIF

# MOTO

" KEPUASAN PELANGGAN, KEBANGGAAN KAMI "

# PETA STRATEGIK

Secara keseluruhan, terdapat 5 Teras Strategik, 23 Strategi dan 59 Program yang terdapat dalam Pelan Strategik MDCH 2021 - 2025

| TERAS STRATEGIK 1<br>MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK | TERAS STRATEGIK 2<br>MEMPERKUKUHKAN HASIL KEWANGAN | TERAS STRATEGIK 3<br>MENAMBAH DAN MENAIKTARAF KEINDAHAN PERBANDARAN | TERAS STRATEGIK 4<br>MEMPERTINGKAT PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN | TERAS STRATEGIK 5<br>MEMPERKASA ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM, INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN |
|---|---|---|---|---|
| **23 STRATEGI** | | | | |
| ➢ Pengurusan Kepimpinan Dan Bakat Berteraskan Kompetensi<br>➢ Pembudayaan Integriti, Governans Dan Anti – Rasuah Dalam Semua Urusan<br>➢ Ekosistem Kerja Yang Selamat, Kondusif Dan Produktif<br>➢ Peningkatan Budaya Organisasi Cemerlang<br>➢ Memperkasa Keberkesanan Tindakan Perundangan<br>➢ Meningkatkan Urusan Dalam Bentuk *Digitalization* | ➢ Peningkatan Kutipan Hasil Sedia Ada<br>➢ Penerokaan Hasil – Hasil Baru Dan Pelaburan<br>➢ Pengurusan Aset Dan Fasiliti Yang Cekap | ➢ Kepelbagaian Warna – Warni Landskap Lembut<br>➢ Pencahayaan Yang Menarik<br>➢ *Billboard* Dan *Signage* Yang Kreatif<br>➢ Kebersihan Bandar Dan Taman – Taman Dipertingkat<br>➢ Kawasan Lapang, Hijau Dan Rekreasi Yang Mencukupi | ➢ Memperhebat Program 3R Dan Kompos Kerjasama Bersama SWCorp<br>➢ Perhebat Program 3R<br>➢ Kebersihan Tandas – Tandas Awam Dan Premis Perniagaan<br>➢ Pelaksanaan Program / Kempen Kebersihan<br>➢ Kebun Komuniti Kejiranan<br>➢ Kawalan Perancangan Dan Pembangunan | ➢ Menambah Dan Menaiktaraf Kemudahan Awam<br>➢ Menambah Dan Menaiktaraf Infrastruktur Jalan Raya<br>➢ Menambah Dan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan |
| **59 PROGRAM** | | | | |
| 23 PROGRAM | 12 PROGRAM | 4 PROGRAM | 15 PROGRAM | 5 PROGRAM |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 1**<br>Pengurusan Kepimpinan Dan Bakat Berteraskan Kompetensi | **Program 1**<br>Kepimpinan Yang Kreatif Dan Menjurus Kepada Perubahan ( Yang Dipertua / Setiausaha ) | a) 3 Idea Baru Setiap Tahun<br>b) Kursus Setahun<br>• Dalam Negara<br>• Luar Negara | 100 %<br><br>1 Tahun 5 Kali<br>2 Tahun 1 Kali | Jabatan Khidmat Pengurusan | /<br><br>/<br>/ | /<br><br>/<br>X | /<br><br>/<br>/ | /<br><br>/<br>X | /<br><br>/<br>X |
| | **Program 2**<br>Penyediaan Pelan Penggantian Kepimpinan Organisasi | a) Satu Naskah Dokumen Pelan Penggantian Kepimpinan Organisasi | 5 Tahun 1 Kali | Jabatan Khidmat Pengurusan | / | X | X | X | X |
| | **Program 3**<br>Penyediaan Pelan Kompetensi Sumber Manusia | a) Satu Naskah Dokumen Pelan Kompetensi Sumber Manusia MDCH | 5 Tahun 1 Kali | Jabatan Khidmat Pengurusan | / | X | X | X | X |
| | **Program 4**<br>Penyediaan Pelan Latihan Organisasi Dan Analisa Keperluan Latihan TNA (*Training Needs Analysis*) | a) Satu Naskah Dokumen Pelan Latihan Organisasi Dan TNA | 5 Tahun 1 Kali | Jabatan Khidmat Pengurusan | / | X | X | X | X |
| | **Program 5**<br>Semakan MyPortfolio | a) Setiap Jabatan / Bahagian / Unit<br>b) Setiap Kakitangan | 2 Tahun 1 Kali | Jabatan Khidmat Pengurusan | / | X | / | X | / |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 2** Pembudayaan Integriti, Governans Dan Anti – Rasuah Dalam Semua Urusan | **Program 1** Penyediaan Dan Semakan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah ( PSPR ) MDCH | a) Satu Naskah Dokumen PSPR MDCH | 3 Tahun 1 Kali | Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | / | X | X | / | X |
| | | b) Semakan / Kajian Impak PSPR MDCH | 1 Tahun 1 Kali | | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Kerjasama Dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit, Unit Integriti, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang DLL | a) Setahun 3 Program | 100 % | Jabatan Khidmat Pengurusan | / | / | / | / | / |
| | **Program 3** Semakan Dan Penambahbaikan Perjanjian, Peraturan – Peraturan Dan Syarat – Syarat Yang Sedia Ada | a) 3 Perkara Dibuat Semakan Dan Penambahbaikan Dalam Tempoh 2 Tahun 1 Kali | 100% | Unit Undang - Undang | / | X | / | X | / |
| | **Program 4** Penyertaan Dalam Anugerah Integriti, Governans Dan Anti – Rasuah Pahang | a) Penyertaan 2 Tahun Sekali | 100 % | Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | X | / | X | / | X |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 3** Ekosistem Kerja Yang Selamat, Kondusif Dan Produktif | **Program 1** Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan MDCH | a) Penubuhan Jawatankuasa Hanya Sekali Dan Pelaksanaan Aktiviti – Aktiviti Terus Dilakukan | 100 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Kempen *Zero Accident* Di Tempat Kerja | a) Sepanjang Tahun | 95 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| **Strategi 4** Peningkatan Budaya Organisasi Cemerlang | **Program 1** Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan ( SPB – PBT ) | a) 2 Tahun 1 Kali ( Persediaan Dilakukan Setiap Tahun ) | 5 Bintang | Unit Audit Dalam | / | X | / | X | / |
| | **Program 2** Anugerah *Index Accountability* | a) 2 Tahun 1 Kali ( Persediaan Dilakukan Setiap Tahun ) | 5 Bintang | Jabatan Perbendahara – an | / | X | / | X | / |
| | **Program 3** Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 Dan MS ISO 37001:2016 | a) 1 Tahun 1 Kali | 100 % | Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | / | / | / | / | / |
| | **Program 4** Melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti<br>• KPI<br>• KIK / Inovasi<br>• Kajian Kepuasan Pelanggan<br>• Kajian Kepuasan Pegawai Dan Kakitangan | a) 1 Tahun Sekali | 80 % | Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 4** Peningkatan Budaya Organisasi Cemerlang | **Program 5** *International And Local Networking*<br><br>a) Program<br>b) Perjanjian<br>c) Perhubungan Awam | a) International ( 5 Tahun 1 Kali )<br><br>b) Local ( 5 Tahun 2 Kali ) ( MOU / MOA ) | 5 Tahun 1 Kali<br><br>5 Tahun 2 Kali | a) Semua Jabatan / Bahagian / Unit<br><br>b) Unit Undang – Undang<br><br>c) Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | X<br><br>X<br><br>X | X<br><br>/<br><br>/ | X<br><br>X<br><br>X | X<br><br>/<br><br>/ | /<br><br>X<br><br>/ |
| | **Program 6** Penyertaan Dalam Pelbagai Pertandingan Dan Anugerah<br><br>a) Program<br>b) Perhubungan Awam | a) Semua Jabatan / Bahagian / Unit ( Satu Anugerah Dalam Tempoh 2 Tahun ) | 80 % | a) Semua Jabatan / Bahagian / Unit<br><br>b) Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat | /<br><br>/ | X<br><br>X | /<br><br>/ | X<br><br>X | /<br><br>/ |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 5** Memperkasa Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan | **Program 1** Kempen Pendidikan Undang – Undang Dan Peraturan Kepada Warga MDCH | a) 1 Tahun 5 Kempen | 100 % | Unit Penguatkuasa, Unit Undang – Undang, Unit Tempat Letak Kereta, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Jabatan Perbendahara – an, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** a) Membasmi Kenderaan Terbiar Di Cameron Highlands<br>b) Kacauganggu ( Baja Dan *Hardware* ) | a) Pengeluaran Notis | a) 100 %<br>b) 50 % | Unit Penguatkuasa | /<br>/ | /<br>/ | /<br>/ | /<br>/ | /<br>/ |
| | **Program 3** Peningkatan Kemahiran Anggota – Anggota Penguatkuasa Melalui NLP Dan Latihan – Latihan Perundangan | a) Semua Anggota Penguatkuasa Dan Kakitangan Unit Tempat Letak Kereta | 85 % | Unit Penguatkuasa, Unit Tempat Letak Kereta, Jabatan Khidmat Pengurusan | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 1 :

## MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 5** Memperkasa Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan | **Program 4** Penguatkuasaan Binaan Tanpa Kelulusan | a) 1 Tahun 4 Kali Operasi | 100 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Penguatkuasa | / | / | / | / | / |
| **Strategi 6** Meningkatkan Urusan Dalam Bentuk *Digitalization* | **Program 1** Kursus Kemahiran ICT | a) 1 Tahun 1 Kursus | 100 % | Unit Teknologi Maklumat | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Meningkatkan Integrasi Antara Sistem CHICs17 Dan Sistem Aplikasi Lain | a) 5 Tahun 2 Sistem / Aplikasi | 85 % | Unit Teknologi Maklumat | X | / | X | X | / |

# TERAS STRATEGIK 2 :

## MEMPERKUKUHKAN HASIL KEWANGAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 1** Peningkatan Kutipan Hasil Sedia Ada | **Program 1** Membendung Ketirisan Hasil | a) Kutipan Hasil Meningkat Antara 5 % - 10 % | 85 % | Jabatan / Bahagian Yang Terlibat | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Menyediakan Kaedah Bayaran Melalui Digital | a) 5 % Daripada Kaedah Bayaran Melalui Digital | 85 % | Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Perbendahara – an | / | / | / | / | / |
| | **Program 3** Galakan Bayaran Ansuran Bagi Tunggakan Hasil | a) 50 % Tunggakan Dapat Dikutip | 85 % | Jabatan / Bahagian Yang Terlibat | / | / | / | / | / |
| | **Program 4** Kaedah “ Turun Padang ” Bagi Kutipan Hasil | a) Kompaun | a) 20 % | a) Unit Penguatkuasa, Unit Tempat Letak Kereta | / | / | / | / | / |
| | | b) 1 Unit Kaunter Bergerak | b) 90 % Daripada Anggaran Bajet | b) Jabatan / Bahagian Yang Terlibat | / | / | / | / | / |
| | **Program 5** Penyediaan Kiosk Bayaran | a) 1 Lokasi Dalam Tempoh 5 Tahun | 100 % | Unit Teknologi Maklumat | X | X | X | / | X |

# TERAS STRATEGIK 2 :

## MEMPERKUKUHKAN HASIL KEWANGAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 2** Penerokaan Hasil – Hasil Baru Dan Pelaburan | **Program 1** Potensi Pelaburan Jangka Masa Sederhana Dan Panjang Dengan Kuantum Tertentu | a) Pelaburan Simpanan Tetap Dan Pelaburan Berisiko Rendah | 100 % | Jabatan Perbendahara – an | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Sesi Baru *Inocreative* Penerokaan Hasil | a) 1 Tahun 2 kali | 100 % | Semua Jabatan / Bahagian / Unit | / | / | / | / | / |
| | **Program 3** Mengkomersialkan Sistem CHICs17 Dan Lain – Lain | a) 3 Tahun 1 Kali | 100 % | Unit Teknologi Maklumat | X | X | / | X | X |
| | **Program 4** Melaksanakan Program Pemutihan Lesen Perniagaan | a) Semakan 1 Tahun 4 Kali | a) 80 % Dari Data Semasa | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, Unit Penguatkuasa | / | / | / | / | / |
| | **Program 5** Karnival / Ekspo Anjuran MDCH | a) 1 Tahun 1 Kali | 100 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| | **Program 6** Pelaksanaan Projek Penswastaan Pembangunan Hartanah | a) 5 Tahun 1 Projek | 100 % | Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta | X | X | X | X | / |
| **Strategi 3** Pengurusan Aset Dan Fasiliti Yang Cekap | **Program 1** Mewujudkan Sistem Aset Dan Fasiliti Yang Cekap Dan Terkini | a) 1 Sistem ( Pelaksanaan Dalam Tempoh 5 Tahun ) | 100 % | Jabatan Perbendahara – an, Unit Teknologi Maklumat | X | X | X | / | X |

# TERAS STRATEGIK 3 :

## MENAMBAH DAN MENAIKTARAF KEINDAHAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 1**<br>Kepelbagaian Warna – Warni Landskap Lembut | **Program 1**<br>Penanaman Pokok Renek Berbunga | a) 10 Spesis Pokok Renek Berbunga Bagi Setiap Tahun Di Taman Poket Dan Taman Awam MDCH ( 1 Spesis / 300 Pokok ) | 3,000 Pokok Renek Berbunga 100 % | Jabatan Landskap | / | / | / | / | / |
| **Strategi 2**<br>Pencahayaan Yang Menarik | **Program 1**<br>Memasang Lampu LED Dan Lampu Hiasan | a) 2 Taman Poket ( 15 Nos *Uplight* / 1 Tahun Penggantian ) | 30 Nos | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam | / | X | / | X | / |
| | | b) 2 Taman Perumahan ( 30 Nos LED *Lantern* ) / Bergantung Kepada Peruntukan Yang Diperolehi | 60 Nos | | X | X | X | X | / |
| | | c) Lampu Hiasan Tepi Jalan Di 4 Kawasan Utama Iaitu Ringlet, Tanah Rata, Brinchang Dan Kampung Raja ( Kiri Dan Kanan Jalan Sepanjang 200 Meter ) | 1,600 M | | / | X | / | X | / |
| | | d) Lampu Hiasan Dalam Bandar, 4 Kawasan Utama Iaitu Ringlet, Tanah Rata, Brinchang Dan Kampung Raja :-<br>• Bagi Ringlet Dan Kampung Raja Lampu Hiasan Tidak Perlu “ Heavy ” ( Minima )<br>• Bagi Tanah Rata Dan Brinchang Lampu Hiasan Perlu “ Heavy ” ( Maksima ) | 2 Tahun 1 Projek | | / | X | / | X | / |

# TERAS STRATEGIK 3 :

## MENAMBAH DAN MENAIKTARAF KEINDAHAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 3** *Billboard* Dan *Signage* Yang Kreatif | **Program 1** Meningkatkan Bilangan *Billboard* Berlampu – " *Big Advertisement Company* " | a) Sempadan Masuk Ke Daerah Cameron Highlands | 5 Tahun 1 Unit | Jabatan Perancangan, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | X | X | / | X | X |
| **Strategi 4** Kawasan Lapang, Hijau Dan Rekreasi Yang Mencukupi | **Program 1** Memastikan Penyediaan Kawasan Lapang Sebanyak 10 % Daripada Keluasan Keseluruhan Cadangan Pemajuan Yang Mempunyai Skim Perumahan Kediaman Dipatuhi Oleh Pemaju Semasa Mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang | a) Sepanjang Tahun | 100 % | Jabatan Perancangan | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 4 :

## MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 1**<br>Perhebatkan Program 3R Dan Kompos Kerjasama Bersama SWCorp | **Program 1**<br>Kempen 3R | a) 1 Tahun 3 Kali<br>• Sekolah<br>• Taman Perumahan<br>• Jabatan / Agensi Kerajaan | 100 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, SWCorp | / | / | / | / | / |
| | **Program 2**<br>*Trash To Cash* | a) 1 Tahun 6 Kali ( Mengikut Zon ) | 100 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, SWCorp | / | / | / | / | / |
| | **Program 3**<br>Kompos | a) 1 Tahun 3 Kali<br>• Pasar Awam<br>• Pusat Perniagaan<br>• Hotel | 100 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, SWCorp | / | / | / | / | / |
| **Strategi 2**<br>Perhebatkan Program 3R | **Program 1**<br>Pertandingan Landskap Dengan Menggunakan Barangan Kitar Semula Antara Sekolah Di Daerah Cameron Highlands | a) 2 Tahun 1 Kali | 100 % | *Local Agenda* 21, Jabatan Landskap | X | / | X | / | X |

# TERAS STRATEGIK 4 :

## MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 3** Meningkatkan Mutu Kebersihan Tandas – Tandas Awam Dan Premis Makanan | **Program 1** Pemeriksaan Tandas Awam Seluruh Kawasan Cameron Highlands | a) 1 Tahun 12 Kali ( 17 Premis Sebulan ) | 90 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Pemeriksaan Premis Makanan | a) 1 Bulan 1 Kali ( 15 Premis Sebulan ) | 90 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| | **Program 3** Operasi Bersepadu Premis Makanan | a) 1 Bulan 1 Kali | 100 % | Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, Unit Penguatkuasa | / | / | / | / | / |
| **Strategi 4** Pelaksanaan Program / Kempen Kebersihan | **Program 1** Gotong – Royong | a) 1 Tahun 4 kali | 90 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Promosi Kesihatan | a) 1 Tahun 2 kali | 90 % | Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | / | / | / | / | / |
| **Strategi 5** Kebun Komuniti Kejiranan | **Program 1** Menyelaras Program Kebun Komuniti | a) 1 Tahun 1 kali | 100 % | Jabatan Landskap | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 4 :

## MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 6** Kawalan Perancangan Dan Pembangunan | **Program 1** Meningkatkan Kemudahan Permohonan Kelulusan Pelan – Pelan Pembangunan | a) Melaksanakan Sistem OSC 3.0 Plus Online Dan Memendekkan Norma Masa Pemprosesan | 90 % | Jabatan Perancangan, Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pusat Setempat, Unit Pesuruhjaya Bangunan | / | / | / | / | / |
| | **Program 2** Pelaksanaan Garis Panduan Tudor@Cameron Di Tanah Rata Dan Brinchang | a) Bangunan Sedia Ada<br><br>b) Pembangunan Baru | a) 40 %<br><br>b) 100 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pusat Setempat, Unit Pesuruhjaya Bangunan | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ |
| | **Program 3** Pendidikan Dan Kesedaran Kepada Komuniti Strata | a) Keseluruhan Perumahan Strata | 70 % / 5 Tahun | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pusat Setempat, Unit Pesuruhjaya Bangunan | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 4 :

## MEMPERTINGKATKAN PENGAWALAN PERKHIDMATAN PERBANDRAAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 6** Kawalan Perancangan Dan Pembangunan | **Program 4** Penyeragaman Papan Tanda Premis Perniagaan | a) Mewujudkan Garis Panduan Khusus<br>b) Penguatkuasaan Di Tanah Rata Dan Brinchang | a) 100 %<br>b) 60 % | Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pusat Setempat | /<br>X | /<br>X | X<br>/ | X<br>/ | X<br>/ |
| | **Program 5** Pelaksanaan Elemen Rekabentuk " Green Building " Dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi Dan Lereng Bukit | a) Bilangan Pemajuan Yang Dirancang Di Seluruh Cameron Highlands | 1 Tahun 2 Unit | Jabatan Perancangan, Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pusat Setempat | / | / | / | / | / |

# TERAS STRATEGIK 5 :

## MEMPERKASA ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM, INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 1** Menambah Dan Menaiktaraf Kemudahan Awam | **Program 1**<br><br>a) Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Atau Laluan Basikal<br><br>b) Menaiktaraf Kemudahan Awam Milik MDCH | a) 1 Tahun 1 Kali ( 100M )<br><br>b) 1 Tahun 1 Kali | a) 100 %<br><br>b) 100 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ |
| | **Program 2** Menaiktaraf Tandas Awam Mengikut Spesifikasi Yang Ditetapkan Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan | a) 5 Tahun 2 Projek | 50 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan Perbandaran | X | / | X | / | X |
| | **Program 3** Tabung Penyelenggaraan Bangunan | a) 2 Skim Perumahan Strata Di Cameron Highlands | 100 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Bahagian Kawalan Bangunan Dan Warisan, Unit Pesuruhjaya Bangunan | X | / | X | / | X |

# TERAS STRATEGIK 5 :

## MEMPERKASA ASPEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM, INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN

| STRATEGI | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN ( KUANTITI / KUALITI ) | SASARAN ( BIL / % ) | JABATAN / BAHAGIAN / UNIT | TAHUN PELAKSANAAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
| **Strategi 2**<br>Menambah Dan Menaiktaraf Infrastruktur Jalan Raya | **Program 1**<br>Penyelenggaraan Berkala Jalan Raya MDCH | a) 3 Jenis Jalan :-<br>• Jalan Perbandaran<br>• Jalan Kawasan Perumahan Murah ( JKPM )<br>• Jalan Kampung<br>• ( JKG – 125 KM )<br><br>b) Projek SDG Di Bawah Elemen 11 ( *Sustainable Cities And Communities* ) | a) 3 Tahun 1 Batang Jalan<br><br>b) 2 Projek Pemasangan Lampu Solar Dalam Tempoh 5 Tahun | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam | /<br><br>X | X<br><br>/ | X<br><br>X | /<br><br>/ | X<br><br>X |
| **Strategi 3**<br>Menambah Dan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan | **Program 1**<br><br>a) Menyelenggara Wakaf / Taman Poket / Forest Walk<br><br>b) Menyelenggara Lampu Hiasan / Pencahayaan | a) 1 Tahun 1 Kali<br><br>b) 1 Tahun 1 Kali | a) 100 %<br><br>b) 100 % | Jabatan Kejuruteraan Dan Kemudahan Awam, Jabatan Landskap | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ | /<br><br>/ |

# BAHAGIAN 04

# FAKTOR – FAKTOR PENENTU KEJAYAAN DAN MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

# FAKTOR – FAKTOR PENENTU KEJAYAAN



# MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

## A) Mekanisme Pelaporan Dan Pengukuran Prestasi

i ) Setiap Perancangan Perlu Diambil Sebagai Tindakan

↓

ii ) Setiap Tindakan Perlu Direkodkan

↓

iii ) Setiap Pencapaian Perlukan Data Sebagai Bukti

↓

iv ) Setiap Pelaporan Jabatan / Bahagian / Unit Akan Diintegrasikan Sebagai Laporan Organisasi

↓

v ) Laporan Prestasi Akan Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik MDCH

↓

vi ) Setiap Laporan Akan Dikumpulkan Oleh Unit Perhubungan Awam Dan Pembangunan Masyarakat MDCH

B) <u>Semakan Dan Penambahbaikan Berterusan</u>
( Pelan Strategik MDCH Adalah Dinamik Dan Boleh Dipinda Jika Perlu )



## B) Struktur Pengurusan Pelaksanaan Pelan Strategik MDCH



# PENUTUP

Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands disediakan bagi melatih dan membentuk modal insan berteraskan Lima ( 5 ) teras yang telah digariskan sebagai panduan di dalam membangunkan dan melahirkan pihak berkuasa tempatan yang berkualiti dan berprestasi tinggi. Teras yang disediakan ini perlu disemak dan diberikan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini bagi memenuhi tuntutan semasa pemegang taruh dan pelanggan selain dari memantapkan teras strategik yang telah digariskan di dalam pelan ini. Kejayaan Majlis Daerah Cameron Highlands ini bergantung kepada komitmen usaha serta sokongan dari semua pihak secara berterusan bagi memastikan visi, misi dan moto yang digariskan tercapai.